



OPERASI PASAR MALAM / PEKAN SEHARI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Majlis Daerah Jerantut bercadang untuk mengadakan pekan sehari dan pasar malam di Bandar Jerantut bermula 20 Jun 2020 (Sabtu). Pihak MDJ akan menentukan kawasan untuk setiap jenis perniagaan. Kawasan tapak akan dimaklumkan kemudian. Walaubagaimanapun tempat adalah terhad mengikut kepada keluasan lokasi.

WAKTU OPERASI

| Lokasi Pasar Malam / Pekan Sehari | Hari | Waktu |
|-----------------------------------|--------|-----------------------------|
| Pasar Malam Bandar Inderapura | Selasa | 3.00 Petang – 9.00 Malam |
| Pasar Malam Bandar Lama | Jumaat | |
| Pasar Malam Bandar Baru | Sabtu | |
| Pekan Sehari Bandar Baru | Ahad | 7.00 Pagi – 12.00 Tengahari |

KAEDAH PERMOHONAN

1. Semua peniaga sedia ada dan pemohon baharu hendaklah membuat permohonan melalui borang di atas talian yang disediakan.
2. Pautan borang permohonan: <https://bit.ly/3hyl11Q>
3. Tarikh tutup permohonan : 18 Jun 2020

SYARAT-SYARAT

1. Mengikut syarat khusus operasi pekan sehari dan pasar malam di dalam Garis Panduan Berkenaan PKPP Negeri Pahang.
2. Perlu mendapat kebenaran daripada MDJ
3. Peniaga turut diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh MDJ, jika ingkar permit perniagaan akan dibatalkan.

Arahan
Yang Dipertua
Majlis Daerah Jerantut

Tarikh: 17 Jun 2020



mdjerantut.gov.my



majlis daerah jerantut
(mdjerantut)



admin@mdjerantut.gov.my

SYARAT-SYARAT KHUSUS OPERASI PEKAN SEHARI

1. Penjarakan 3 meter antara kanopi peniaga (saiz kanopi: 10' x 10').
2. Setiap peniaga hanya dibenarkan 2 unit kanopi bagi setiap lot.
3. Susunan kanopi adalah mengikut kategori produk pada setiap lorong dan pelanggan dikawal di setiap pintu masuk/keluar.
4. Had maksima peniaga termasuk pembantu ialah 2 orang setiap kanopi dan maksima 3 orang bagi kanopi 2 unit.
5. Tiada lot promosi barangan dibenarkan.
6. Peniaga hendaklah mematuhi kategori produk jualan yang diluluskan (Contoh: peniaga minuman tidak boleh menjual barangan kering seperti komestik secara sampingan).
7. Tidak digalakkan peniaga yang melebihi umur 60 tahun.
8. Bilangan maksima peniaga pada satu-satu masa ialah 50 lot.
9. 2 kaedah yang dibenarkan:-
 - a. *Walk-in* – Had Kawalan pengunjung masuk/keluar.
 - b. *COD/Pickup Point* (tempah dahulu, ambil kemudian).
10. Pemandang Tanpa Izin (PATI) dan Pemandang Dengan Izin (PADI) tidak dibenarkan bekerja ataupun menjadi pelanggan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS OPERASI PASAR MALAM

1. Penjarakan 3 meter antara kanopi peniaga (saiz kanopi: 10' x 10').
2. Pelan susun atur kanopi perlu disediakan mengikut kategori produk bagi melancarkan pergerakan pelanggan dan saringan suhu dan rekod daftar pelanggan dibuat di setiap pintu masuk.
3. Pemandang Tanpa Izin (PATI) dan Pemandang Dengan Izin (PADI) tidak dibenarkan bekerja ataupun menjadi pelanggan.
4. Tapak mestilah ada kawalan pintu masuk/keluar dalam gerakan sehala.



**CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN
PASAR MALAM / PEKAN SEHARI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

